

# Kebanggaan USIM

Oleh Zaini Othman

bhvarsiti@mediaprima.com.my

► Nilai

**N**aib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Asma Ismail (gambar) muncul sebagai ahli akademik yang pertama di negara ini menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains dari University of Glasgow, Scotland.

Pengiktirafan tertinggi itu disampaikan Canselor University of Glasgow, Prof Sir Kenneth Calman sempena Commemoration Day

universiti berkenaan, baru-baru ini.

Anugerah diberikan atas pencapaian cemerlang Prof Asma sebagai saintis mikrobiologi dan bioteknologi perubatan serta sumbangannya kepada masyarakat.

Turut meraih anugerah yang sama ialah Presiden Public Health Foundation, India, Prof Srinath Reddy dan Pengarah Wellcome Trust, United Kingdom, Prof Mark Walport.

## Kit penyakit Tropika

Antara pencapaian cemerlang Prof Asma ialah membangunkan kit diagnostik bagi menyelesaikan jangkitan penyakit Tropika dengan kos rendah.

Satu daripadanya ialah

kit TYPHIDOT bagi mengesan demam kepialu yang dipasarkan di 18 negara.

Kit itu memberi kesan besar kepada sains, industri dan masyarakat kerana membantu lebih dua juta rakyat dalam penjagaan kesihatan dan membuka

lebih 500 peluang pekerjaan baharu.

Prof Asma juga dilantik sebagai penasihat Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi vaksin dan penyakit berjangkit sejak 2002 dan ahli Third World Academy of Sciences.

